



KAJIAN MENGENAI MASALAH PENGURUSAN STOK

KELUAR MASUK BAHAN MENTAH

SYARIKAT: NATASYA BAKERY

MUHAMMAD ADI AKMAL BIN ZULKIFLI

(10DLS19F1033)

MUHAMAD AKMAL BIN SALLEH

(10DLS19F1015)

NUR BALQIS BINTI MOHAMMAD NOOR

(10DLS19F1041)

M. NANDINI DEVI AP MANIAN

(10DLS19F1216)

JABATAN PERDAGANGAN

OKTOBER 2021

KAJIAN MENGENAI MASALAH PENGURUSAN STOK

KELUAR MASUK BAHAN MENTAH

SYARIKAT: NATASYA BAKERY

MUHAMMAD ADI AKMAL BIN ZULKIFLI

(10DLS19F1033)

MUHAMAD AKMAL BIN SALLEH

(10DLS19F1015)

NUR BALQIS BINTI MOHAMMAD NOOR

(10DLS19F1041)

M. NANDINI DEVI AP MANIAN

(10DLS19F1216)

Laporan ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian syarat  
penganugerahan

Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan

JABATAN PERDAGANGAN

OCTOBER 2021

## **AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK KAJIAN**

1. Kami, MUHAMMAD ADI AKMAL BIN ZULKIFLI (010418-02-0551)  
MUHAMAD AKMAL BIN SALLEH (010205-07-0379)  
NUR BALQIS BINTI MOHAMMAD NOOR (010809-02-0778)  
M.NANDINI DEVI A/P MANIAN (000130-15-0016), Adalah pelajar Diploma  
Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan, Politeknik Seberang Perai yang  
beralamat Jalan Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh Pulau Pinang.
2. Kami mengakui bahawa ‘Projek tersebut di atas’ dan harta intelek yang ada di dalamnya adalah hasil karya/ rekacipta asli kami tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak-pihak lain.
3. Kami bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek ‘Projek tersebut kepada politeknik tersebut’ bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Belakan.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya di akui tersebut:

- a) NAMA PELAJAR: MUHAMMAD ADI AKMAL BIN ZULKIFLI  
NO KAD PENGENALAN: 01418-02-0551
- b) NAMA PELAJAR: MUHAMAD AKMAL BIN SALLEH  
NO KAD PENGENALAN: 010205-07-0379
- c) NAMA PELAJAR: NUR BALQIS BINTI MOHAMMAD NOOR  
NO KAD PENGENALAN: 010809-02-0778
- d) NAMA PELAJAR: M.NANDINI DEVI A/P MANIAN  
NO KAD PENGENALAN: 000130-15-0016

Di hadapan saya,  
PN. FATIMAH BINTI SHUIB

PENYELIA PROJEK

TARIKH: \_\_\_\_\_

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kami menyiapkan dan melengkapkan projek yang telah kami jalankan ini dengan jayanya serta diberikan kesihatan yang baik dalam meneruskan kajian tanpa sebarang masalah yang dapat menjejaskan projek ini. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan kami ucapkan kepada pensyarah yang mengajar dalam kod kursus DPB50163 BUSINESS PROJECT iaitu Dr NOR HASNI BINTI HARON kerana telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar yang sangat memberansangkan sepanjang kami menjalankan kajian ini. Segala ilmu yang disampaikan amat dihargai dan dijadikan sebagai panduan.

Di samping itu, tidak lupa juga ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kami tujukan kepada penyelia kami Puan FATIMAH kerana telah memberikan sokongan, dorongan, nasihat, tunjuk ajar serta teguran kepada kami dalam menjalankan projek ini sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Segala kesalahan dan pembetulan dapat dibaiki dengan baik di atas tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang penyiapan projek ini.

Selain itu, kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Natasya Bakery kerana memberikan kerjasama dan telah membantu dengan memberikan maklumat yang diperlukan, dengan maklumat yang diperolehi dapatlah kami menjayakan dan melakukan projek ini dengan mudah dan baik.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini. Tanpa tunjuk ajar daripada mereka kami mungkin tidak dapat menyiapkan projek ini dengan sebaiknya.

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini akan menghasilkan laman sesawang untuk perniagaan Natasya Bakery yang dikenali Stock Checking. Konsep pembangunan Stock checking menerusi rangka kerja daripada kajian-kajian yang lepas yang akan dibincangkan lebih lanjut dalam kajian ini yang bersesuaian dengan tadbir urus perniagaan Natasya Bakery. Seterusnya, pengkaji akan membuat tinjauan keberkesanan penggunaan laman sesawang Stock checking dalam proses memajukan dan meningkatkan tahap perkhidmatan terhadap stok yang masuk dan keluar di dalam Natasya Bakery. Kaedah soal selidik yang akan digunakan untuk mengkaji keberkesanan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden untuk mengetahui tentang keberkesanan penggunaan Stock checking. Segala maklumat akan di proses menggunakan perisian Google Site. Penyelidik berharap Stock checking ini bukan sahaja dapat membantu perniagaan yang berskala kecil berintegriti tinggi untuk memajukan dan meningkatkan tahap perkhidmatan terhadap pengurusan stok yang masuk dan keluar di Natasya Bakery.

## SENARAI ISI KANDUNGAN

### Bab 1: Pengenalan

1.1	Pendahuluan.....	7 - 8
1.2	Latar Belakang Projek.....	8 - 9
1.3	PenyataanMasalah.....	10
1.4	Objektif Projek.....	11
1.5	PersoalanProjek.....	11
1.6	Skop Projek.....	11
1.7	Justifikasi projek.....	12
1.8	Takrifan Istilah.....	13
1.9	Rumusan.....	13
1.10	Rujukan.....	16

### Bab 2: Kajian Lapangan

2.1	Pendahuluan.....	17
2.2	Kajian Terdahulu.....	17
2.2.1	Keperluan aplikasi.....	17
2.2.2	Keberkesanan aplikasi.....	17 - 18
2.2.3	Pengurusan Inventori.....	18
2.3	Rumusan.....	18
2.4	Rujukan.....	18

### Bab 3: Metodologi / Reka Bentuk

3.1	Pendahuluan.....	19
3.2	Reka Bentuk Projek.....	19
3.2.1	Kaedah/Prosedur/Teknik Penghasilan Projek.....	19 - 23
3.2.2	Bahan dan Peralatan.....	23
3.2.3	Kaedah Analisis Data.....	23
3.2.4	Maklumbalas Kajian rintis.....	23
3.2.5	Penambahbaikkan Produk.....	24
3.3	Kaedah Analisis Data.....	24
3.4	Rumusan.....	24

### Bab 4: Dapatan Kajian Dan Perbincangan

4.1	Pendahuluan.....	25
4.2	Dapatan Kajian/Pengujian.....	25
4.2.1	Analisis dapatan kajian peringkat inovasi.....	25
4.2.2	Analisis dapatan kajian kedua.....	26
4.2.3	Kos Penghasilan Projek Per Unit.....	26
4.2.4	Perletakkan Harga Projek.....	27
4.3	Impak Produk.....	27 - 28
4.4	Perbincangan.....	28
4.5	Rumusan.....	29

## Bab 5: Kesimpulan Dan Cadangan

5.1	Pendahuluan.....	30
5.2	Kesimpulan.....	30
5.2.1	Analisis SWOT.....	30 - 31
5.2.2	Analisis 4P.....	31 - 32
5.3	Cadangan.....	32
5.3.1	Matrik TOWS.....	32 - 33
5.4	Limitasi Projek.....	33
5.5	Rumusan.....	33 - 34

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang perlu dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan skop kajian.

Bahan mentah seperti tepung adalah sesuatu bahan yang sangat penting dalam setiap pembuatan kek dan roti. Dengan adanya bahan mentah tersebut di kedai runcit atau kedai menjual bahan membuat kek dapat memudahkan urusan pelanggan untuk mencari serta membeli bahan mentah tersebut. Oleh itu, pengedar bahan mentah akan menghadapi masalah dari segi mengesan jumlah stok, jumlah keluar masuk stok dan tamat tempoh sesuatu produk. Bagi menghadapi masalah tersebut kita perlulah mempunyai sistem atau aplikasi bagi mudah penyimpanan data bagi memudahkan urusan keluar masuk stok dan industri tamat tempoh sesuatu produk. Dengan adanya aplikasi tersebut dapat memudahkan urusan (Puan Wan Faridah) dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian di Natasya Bakery. Natasya Bakery adalah kedai yang menjalankan perniagaan di industri Permatang Pauh, Pulau Pinang. Jenis perniagaan adalah menjual tepung dan peralatan membuat kek dan roti. Walaubagaimana pun, kajian ini tertumpu kepada pengurusan stok bahan mentah yang dikendalikan oleh Natasya Bakery.

Justerunya tujuan kajian ini adalah untuk membantu dan mengenal pasti masalah syarikat serta mencari penyelesaiannya. Salah satu masalah yang dihadapi oleh kedai Natasya Bakery adalah untuk mengesan jumlah stok pengeluaran, kemasukkan dan tarikh tamat tempoh sesuatu produk. Hal ini boleh memudahkan kedai Natasya Bakery untuk meningkatkan sistem pengurusan stok pengeluaran dan kemasukkan kuantiti yang lebih banyak serta dapat meningkatkan system pengurusan tamat tempoh sesuatu produk. Syarikat ini beroperasi sebagai sebuah kedai yang menjual stok bahan mentah dan memperkenalkan sistem yang baru dalam menguruskan stok tersebut.



Justeru, syarikat ini mempunyai masalah yang perlu kami bantu ialah mengesan stok keluar masuk dan tamat tempoh sesuatu produk. Oleh sebab itu, kami bercadang untuk membangunkan aplikasi untuk membantu menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh syarikat ini dengan idea-idea inovasi yang kreatif.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pada masa kini, kebanyakan syarikat kecil seperti kedai pembekal kek atau roti masih lagi menggunakan sistem yang lama dalam pengurusan stok atau inventori mereka. Situasi ini boleh menyebabkan, beberapa kesilapan kecil atau besar boleh berlaku sewaktu pengurusan stok dijalankan. Kesannya, banyak stok tidak dapat direkod dengan betul dan banyak stok rosak atau tamat tempoh dan menyebabkan kerugian kepada syarikat. Mengikut pernyataan (Kementerian Kewangan Malaysia-Panduan Perbendaharaan–Tatacara Pengurusan Stor, 1982 ) Suatu sistem pengurusan stor dan stok yang cekap dan berkesan adalah perlu bagi menjamin penyenggaraan, penjagaan dan pengawalan barang-barang kerajaan agar berkeadaan baik dan sempurna. Menurut pernyataan (Beheshti, 2010), Antara kajian yang dilakukan mendapati industri kecil dan sederhana (IKS) kini semakin tertekan dalam pengurusan inventori bagi membangunkan sistem yang membolehkan mereka meminimumkan kos inventori serta memenuhi permintaan pelanggan. Kajian di Malaysia (Ahmad dan Mohamed Zabri, 2016) menunjukkan kurang 18% daripada responden menunjukkan pengurusan inventori yang tidak sistematik. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kos pengurusan inventori di industri IKS tempatan adalah agak tinggi dan pengurusan inventori tidak terancang dan kurang teratur.

Dengan ini, melalui kajian yang telah dilakukan, kepada syarikat Natasya Bakery. Syarikat tersebut, memerlukan sesuatu sistem atau inovasi untuk memudahkan pengurusan stok seperti aplikasi (Stock Checking) yang mempunyai sistem dan inovasi terkini. Ini memberi kesan baik kepada syarikat ini untuk menguruskan stock dengan lebih mudah, cepat dan effisyen tanpa melakukan kesilapan.



Figure 1.1

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Dalam mengharungi arus globalisasi ini, alat ataupun sistem pengurusan stok adalah sangat diperlukan oleh setiap syarikat terutamanya kepada syarikat – syarikat atau perniagaan dalam sektor pembekal bahan mentah atau pembuatan roti dan kek untuk menguruskan stok atau inventori mereka. Tujuan sistem ini diperlukan kepada perniagaan atau syarikat ialah untuk memudahkan sistem pengurusan stok masuk dan keluar dapat direkodkan dengan betul dan cepat tanpa berlaku kesilapan serta digunakan untuk mengetahui barang ataupun stok yang mana yang perlu dikeluarkan terlebih dahulu untuk mengelakkan stok rosak. Hasil daripada kajian kami, terdapat beberapa masalah yang dialami oleh syarikat Natasya Bakery dalam pengurusan stok mereka.

Antara masalah yang dihadapi oleh syarikat ini ialah:

- 1) Syarikat Natasya Bakery tidak mempunyai system yang sistematik dalam menguruskan stok bahan mentah.
- 2) Tidak mempunyai sistem yang baik untuk menguruskan keluar masuk stok dan dalam mengenal pasti barang yang hampir tamat tempoh.
- 3) Terdapat banyak stok yang tidak terjual kerana tarikh tamat tempoh yang hampir luput.
- 4) Data stok yang dikumpul sering kerap hilang atau kurang tepat.

## **1.4 OBJEKTIF PROJEK**

1. Membantu dalam sistem pengurusan stok
2. Kaedah penyimpanan stok dengan berkesan.
3. Selain itu, membangunkan aplikasi yang diberi nama (Stock Checking) untuk memudahkan dalam urusan menasingkan stok lama dan juga stok baru dengan lebih sistematik dan stok lama juga dapat dijual dengan cepat.

## **1.5 PERSOALAN PROJEK**

Kami telah menjalankan kajian ke atas sebuah kedai bakery iaitu Natasya Bakery. Syarikat ini beroperasi daripada hari isnin sehingga hari sabtu pada jam 11 pagi hingga 6:30 petang.

Antara persoalan yang telah kami dapat dalam kajian projek ini ialah:

- 1) Apakah jenis masalah yang dihadapi oleh Natasya Bakery dalam pengurusan stok?
- 2) Mengapakah stok Natasya Bakery banyak tidak terjual?
- 3) Apakah yang menyebabkan stok ataupun inventori Natasya Bakery tidak dapat direkod dengan betul?
- 4) Bagaimanakah stok atau sistem pengurusan stok di stor utama diuruskan?

## **1.6 SKOP PROJEK**

Skop kajian ini memfokuskan kepada masalah terhadap sistem keluar dan masuk bekalan barang dari pembekal dan sistem pengurusan mengenai tamat tempoh barang-barang yang terdapat di kedai tersebut. Oleh itu, produk kami iaitu Barcode digunakan bagi menyelesaikan masalah masalah yang dihadapi oleh perniagaan ini.

## 1.7 JUSTIFIKASI PROJEK

Ketika kajian ini, dilakukan syarikat Natasya Bakery mempunyai masalah - masalah yang harus di selesaikan. Antara sebab kami membuat kajian terhadap syarikat Natasya Bakery kerana syarikat Natasya Bakery mempunyai masalah dari segi urusan keluar masuk produk dan urusan tarikh tamat tempoh untuk setiap produk mereka. Ini kerana syarikat Natasya Bakery belum lagi mempunyai system dalam pengurusan stok mereka. Dengan masalah yang di hadapi oleh syarikat Natasya Bakery membuatkan kami telah berbincang dengan pihak Natasya Bakery untuk menciptakan aplikasi untuk memudah segala urusan keluar masuk stok.

Setelah kajian di lakukan, dengan idea yang relevan, pihak kami bersetuju untuk membangunkan satu aplikasi yang akan memudahkan dan membantu masalah yang di hadapi oleh pihak Natasya Bakery. Dengan adanya aplikasi yang efisien dan sistematik dapat membantu pihak Natasya Bakery dalam menguruskan stok.

Selain itu, dengan adanya aplikasi ini, ia dapat mengimbas QR kod untuk mengetahui stok barang yang telah sampai di stor Natasya Bakery untuk memastikan stok yang dihantar dari pengedar mencukupi.

Seterusnya, aplikasi ini juga dapat mengesan stok yang sudah hampir tamat tempoh beserta jumlahnya. Dengan ini, stok yang hampir luput dapat dikeluarkan dahulu oleh pihak Natasya Bakery untuk dijual. Ini dapat mengelakkan daripada berlaku pembaziran daripada stok lama yang tidak dapat dijual.

Selain itu, dengan adanya aplikasi ini dapat mengasingkan stok lama dan stok baru dengan lebih teratur dan sistematik menerusi prosedur penyimpanan yang boleh disemak. Sekiranya syarikat Natasya Bakery mempunyai tempahan barang mentah seperti tepung atau peralatan pembuatan kek, stok bahan yang dikeluarkan boleh di imbas melalui QR kod yang tersedia membolehkan syarikat Natasya Bakery mengetahui stok mana yang telah keluar dan stok yang perlu di tambah.

Dengan ini, dapat mengelakkan daripada berlakunya ketidakcukupan stok dalam menerima sebarang tempahan serta dapat mengelakkan daripada stok Natasya Bakery berkurang. Oleh itu dengan adanya aplikasi (stock checking) dan kod pengimbas ini dapat menyelesaikan serta memudahkan banyak masalah utama yang di hadapi oleh syarikat Natasya Bakery.

### 1.7.1 JUSTIFIKASI SWOT ANALYSIS

Melalui maklumat kajian yang diperoleh, berdasarkan kajian ke atas sebuah kedai bakery mengenai masalah sistem pengurusan stok, keluar masuk bahan mentah kedai tersebut dengan membina satu aplikasi yang diberi nama 'stok checking'. Bagi mengukuhkan lagi kajian ini, penggunaan kaedah analisis SWOT yang merupakan singkatan kepada Strengths, Weakness, Opportunities, Threats telah digunakan. Dengan penggunaan instrument analisis SWOT ini pihak pengkaji dapat mengkaji dengan lebih terperinci segala maklumat yang telah diperoleh dari kajian yang telah dijalankan, untuk menganalisis dalaman dan luaran mengenai produk yang ingin dibina. Analisis ini juga merupakan sebahagian daripada strategi perancangan, dan salah satu daripada 'tools' yang akan digunakan bagi menganalisis adalah SWOT yang merupakan singkatan daripada 'Strengths' (S), 'Weakness' (W), 'Opportunities' (O), 'Threats' (T), (Arnold 2008). Selain itu, kaedah ini juga telah menjadi kaedah pendekatan berguna sejak sekian lama kepada industri dan membantu sesebuah organisasi untuk membuat keputusan dan Tindakan (Balamuralikrishna & Dugger 2003). Analisis yang dijalankan untuk kajian ini adalah daripada hasil temu bual dengan pihak kedai Natasya Bakeri yang menghadapi masalah mengenai sistem pengurusan stok keluar masuk dan tarikh tamat tempoh produk. Jadi dengan adanya aplikasi ini ia akan dapat membantu kedai Natasya bakeri ini dalam menyusun dan mengendalikan stok mereka dengan lebih teratur dan sistematik.

SWOT analysis bagi produk yang pertama adalah Strengths (S) atau kekuatan bagi aplikasi Stock Checking ini adalah untuk memudahkan urusan pemeriksaan stok dengan menggunakan bar kod, dan ia juga dapat menjimatkan masa dan kos kerana data dapat direkodkan dengan cepat dan tepat berbanding di rekod secara manual. Ia boleh terus mengimbas produk secara terus kepada produk yang dikehendaki dan maklumat mengenai produk itu akan dipaparkan dengan lebih cepat. Seterusnya, Weakness (W) atau kelemahan produk ini adalah sukar untuk memuat naik gambar di sesetengah peranti dan tidak boleh di akses di mana-mana sahaja kerana halangan capaian internet. Kemudian kaedah SWOT yang ketiga adalah Opportunities (O) atau peluang bagi produk ini ialah pelbagai syarikat atau kedai-kedai kecil yang belum mempunyai sistem pengurusan untuk menggunakan aplikasi ini untuk mengakses aplikasi tersebut untuk kegunaan mereka dan ciri-ciri yang terdapat pada aplikasi ini juga menggunakan teknologi yang terkini. Akhir sekali, kaedah swot ini ialah Threats (T) atau ancaman bagi produk ini adalah mempunyai banyak saingan dari pelbagai aplikasi lain yang akan wujud pada

masa akan datang dan yang telah wujud. Oleh yang demikian dengan adanya aplikasi ini proses pengurusan stok akan menjadi lebih mudah dan sistematik.

## **1.8 Takrifan Istilah**

1.8.1 PEMBEKAL - stokis orang atau syarikat yg menyimpan sejumlah stok barang atau produk tertentu utk dijual atau diedarkan kpd penjual lain.


1.8.2 PENGUSAHAAN - Satu kegiatan yang mempromosikan dan menjual barang pembuatan kek dan kek. Tujuan untuk menarik minat penggemar kek dalam kalangan masyarakat.

1.8.3 'Stock Checking' - Sebuah laman sesawang yang memudahkan urusan syarikat dalam mengetahui keluar masuk stok dari Gudang.

## **1.9 RUMUSAN**

Di dalam bab ini, terdapat beberapa maklumat mengenai pernyataan masalah projek dan tujuan projek ini dijalankan. Selain itu, objektif untuk menjalankan projek ini adalah jelas untuk membantu membina sebuah aplikasi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh syarikat ini dengan idea-idea inovasi yang kreatif. Ini juga mampu memudahkan dan menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh Natasya Bakery. Hal ini kerana aplikasi adalah sistem terkini dan canggih bagi urusan penyimpanan data dan maklumat dengan lebih tepat.

# GANTT CHART

																	
		DPB 50163 GANTT CHART 1 2021/ 2022 SESSION															
DATE/WEEK		01/03-07/03	27/08-01/10	04/10-08/10	11/10-15/10	18/10-22/10	25/10-29/10	01/11-05/11	08/11-12/11	15/11-19/11	22/11-26/11	29/11-03/12	06/12-10/12	13/12-17/12	20/12-24/12	27/12-31/12	03/01-07/01/2022
CONTENT		W1	W2	W3	W4	W5		W6	W7	W8	W9	W10	W11	W12	W13	W14	
<b>1.0 INTRODUCTION TO BUSINESS PROJECT</b>																	
Introduction to types of project which can be implemented in the business field.																	
	R						P	M								V	F
Formation of groups																	
	E						R	I								I	I
Prepare the supplementary materials																	
	G						O	D								V	N
<b>2.0 PROJECT SELECTION AND PLANNING</b>																	
Propose a suitable topic for the project																	
	I						P	S								A	A
Produce new innovation for business product/services																	
	T						S	E								P	S
Prepare elements of situational analysis																	
	R						A	M								R	S
	A						L	E								E	U
<b>3.0 PRESENTATION OF PROJECT PROPOSAL</b>																	
Develop the title of project, introduction, business problems or issues, objective, justification of project selection & scope of project																	
	T						S	S								S	B
Explain the contents of project proposal																	
	I							T								A	M
Construct a Gantt chart (time frame)																	
	O							E								N	I
Apply the writing format																	
	N							R								T	S
<b>4.0 PROJECT IMPLEMENTATION</b>																	
Accomplish Business Project within the time frame																	
	W						P	B								A	S
Describe the project over view																	
	E						R	R								T	I
Identify problems/ issues of business.																	
	E						S	A								I	O
Conduct situational analysis:SWOT/PEST/5C's/Porter 5 Forces analysis or any other methods.																	
	K						A	K								N	
Recognize background and current business situation.																	
							N										
Conduct data analysis and interpretation.																	
							T										
Write recommendations and suggestions to address the issues.																	
							A										
<b>5.0 BUSINESS PROJECT REPORT</b>																	
Identify the requirements to produce a complete report																	
							T										
Prepare a report based on the given business project format																	
							I										
State the description of the project																	
							O										
State the findings and results.																	
							N										
Summarise the project results.																	
Recommend suitable suggestions and solutions to address the business issue.																	
Create data visualisation to present the results																	
Organize drawings, sketches, graphs, calculations and other supporting data or documents.																	
List the references used in producing the report.																	
<b>6.0 BUSINESS PROJECT PRESENTATION</b>																	
Demonstrate a capacity to communicate project results through oral presentation using multimedia audio visual aids.																	
Demonstrate a capacity to communicate project result																	
Create effective visual aids to enhance presentation																	
Demonstrate effective application of multimedia audio visual aids																	
Show the viability of the proposed solutions to address the business issue																	

## RUJUKAN

<https://www.scribd.com/document/223017352/Pengurusan-Stor-Dan-Stok>

<file:///C:/Users/rocky/Downloads/588-Article%20Text-3074-2-10-20201210.pdf>

[https://www.google.com/maps/uv?pb=!1s0x304ac5c67477ac27%3A0x770054fcfa043c45!3m1!7e115!4s%2F%2F6.googleusercontent.com%2Fproxy%2FNHTV7wHnMeAEGDM-AKz-EISf211TmFZjQXGh0ynVm0n7Xk82kqyciyYrPTSz42nSNiz7qaGsqWA9EAw2pcrNU3rnfC4b6tYXN35fEZ4a\\_poqamAj7ZEL3uKQRkybroC6fSg50fXdFF7mfhpUx1RZ7Ft282k5tC OG2kZ6atAXUdQ%3Dw213-h160-k-no!5snatasya%20bakery%20permatang%20pauh%20-%20Google%20Search!15sCgIQAQ&imagekey=!1e2!2s8tJZZ4j-vCAAAAQqbjjMsg&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwjM9Ii-47j0AhWrUGwGHV2jCG8Qoip6BAhGEAM](https://www.google.com/maps/uv?pb=!1s0x304ac5c67477ac27%3A0x770054fcfa043c45!3m1!7e115!4s%2F%2F6.googleusercontent.com%2Fproxy%2FNHTV7wHnMeAEGDM-AKz-EISf211TmFZjQXGh0ynVm0n7Xk82kqyciyYrPTSz42nSNiz7qaGsqWA9EAw2pcrNU3rnfC4b6tYXN35fEZ4a_poqamAj7ZEL3uKQRkybroC6fSg50fXdFF7mfhpUx1RZ7Ft282k5tC OG2kZ6atAXUdQ%3Dw213-h160-k-no!5snatasya%20bakery%20permatang%20pauh%20-%20Google%20Search!15sCgIQAQ&imagekey=!1e2!2s8tJZZ4j-vCAAAAQqbjjMsg&hl=en&sa=X&ved=2ahUKEwjM9Ii-47j0AhWrUGwGHV2jCG8Qoip6BAhGEAM)

<https://cpssoft.com/blog/bisnis/pengertian-analisis-swt/>



## **BAB 2: KAJIAN LAPANGAN**

### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menerangkan tentang kajian lapangan berdasarkan kepada objektif kajian yang dipilih. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang prosedur untuk menghasilkan aplikasi kepada syarikat tersebut. Kemudian penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi persampelan, perkembangan instrument, teknik pengumpulan data dan analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

### **2.2 Kajian Terdahulu/Ulasan/Siasatan**

#### **2.2.1 Keperluan aplikasi**

Aplikasi yang dihasilkan ini dinamakan (Stock Checking). Bagi menghasilkan aplikasi ini, beberapa bahan yang telah digunakan adalah seperti sampel yang diterima, API – PHP *Database- mysql*, Mobile apps – Google Flutter dan IDE digunakan dalam kajian ini. Aplikasi mudah alih sering berdiri berbeza dengan aplikasi desktop yang berjalan pada komputer desktop, dan dengan aplikasi web yang berjalan di penyemak imbas web mudah alih dan bukannya secara langsung pada peranti mudah alih.

Istilah "*app*" adalah pemendekan istilah "*application software*" dalam bahasa Inggeris. Ia telah menjadi sangat popular, dan pada tahun 2010 telah disenaraikan sebagai "*Word of the Year*" oleh Persatuan Dialek Amerika. Pada tahun 2009, teknologi kolumnis David Pogue berkata bahawa telefon pintar yang lebih baru boleh digelar "*app phones*" untuk membezakan mereka daripada telefon pintar yang kurang canggih lebih awal.

#### **2.2.2 Keberkesanan aplikasi**

Aplikasi Stock Checking ini dapat memberikan pelbagai impak positif dan faedah yang baik kepada syarikat atau perniagaan yang baru ataupun yang telah lama dalam industri perniagaan. Selain itu, dengan menggunakan aplikasi ini, ia sangat membantu setiap perniagaan yang mempunyai masalah pengurusan inventori dalam gudang. Setiap organisasi kecil ataupun besar perlu peka dan bijak dalam menguruskan inventori mereka. Pengurusan yang bersistematik dan efisien dalam menguruskan inventori memberi manfaat bukan sahaja dari aspek pengurusan malah aspek lain seperti mengurangkan kos perbelanjaan dan pengeluaran

organisasi. Thomas C. Harrington (1990) di dalam artikelnya berkaitan 'Implementing an Effective Inventory Management System' menekankan aspek kawalan sebagai elemen penting dalam pengurusan inventori yang efektif.

Jadi apakah keberkesanan terhadap aplikasi Stock Checking ini terhadap syarikat dan perniagaan kecil – kecilan? Antara keberkesanan aplikasi Stock Checking terhadap syarikat dan perniagaan adalah Stock checking dapat menyelesaikan pengurusan stok yang membolehkan urusan stok diuruskan dengan berkesan serta sistematik dan cekap dengan dilengkapi pelbagai katalog mudah alih untuk memudahkan aliran stok dalam gudang. Stock Checking sesuai untuk syarikat yang ingin memajukan sistem pengurusan stok mereka yang sebelum ini menggunakan sistem pengurusan stok yang lama dalam gudang mereka. Setiap syarikat atau perniagaan dapat mengatur semua stok barang secara mudah. Aplikasi ini sudah lengkap dengan sistem "*Share hosting*", jadi setiap syarikat tidak perlu risau tentang kehilangan data.

### **2.2.3 Pengurusan inventori**

Dengan adanya aplikasi Stock Checking ini, ia dapat mempercepatkan proses pengurusan inventori melalui sistem pengimbasan bar kod terhadap inventori yang masuk dan yang keluar terhadap setiap syarikat ataupun perniagaan yang mempunyai gudang untuk penyimpanan stok. Seterusnya, aplikasi ini dapat membantu dalam mengenal pasti stok yang harus dikeluarkan dulu supaya dapat mengelakkan pembaziran akibat stok yang telah sampai tarikh luput. Disamping itu, penggunaan aplikasi Stock Checking ini dapat mengelakkan daripada sebarang kesilapan dalam pengiraan stok yang keluar dan masuk dari gudang.

## **2.3 Rumusan**

Aplikasi ini dijangka mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada syarikat dan perniagaan. Disamping itu, ia juga dapat membantu dalam pengiraan stok akhir dengan tepat, dapat mempercepatkan proses penyimpanan data dengan tepat bagi mengelakkan kehilangan stok dan memudahkan lagi syarikat dan perniagaan seperti kedai kek dan lain-lain perniagaan yang mempunyai gudang penyimpanan stok.

## **2.4 Rujukan**

- i) <https://sites.google.com/site/freelancetrainer2u/home/training-programs/pengurusan-stor-dan-inventori-yang-effektif>
- ii) [https://ms.wikipedia.org/wiki/Aplikasi\\_mudah\\_alih](https://ms.wikipedia.org/wiki/Aplikasi_mudah_alih)

## **BAB 3: METODOLOGI/REKA BENTUK**

### **3.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang prosedur untuk menghasilkan aplikasi Stock Checking. Kemudian penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi persampelan, perkembangan instrument, teknik pengumpulan data dan analisis data yang digunakan dalam kajian ini.


### **3.2 Reka bentuk Projek**

#### **3.2.1 Kaedah/Prosedur/Teknik Penghasilan Projek**

Dalam proses menghasilkan aplikasi Stock Checking ini sebenarnya terdapat beberapa Langkah yang perlu dijalankan seperti berikut:

#### **Langkah 1**


Langkah pertama dalam pembuatan aplikasi Stock Checking ialah dengan menyenaraikan keperluan penggunaan dalam menggunakan aplikasi dengan membuat modul aplikasi untuk menggambarkan proses aplikasi. Selain itu juga, aplikasi yang dibuat adalah berdasarkan masalah yang dihadapi oleh syarikat untuk menyelesaikan masalah syarikat.



Gambarajah 3.1


## Langkah 2

Langkah kedua dalam pembuatan aplikasi Stock Checking ialah membuat muka hadapan dengan meletakkan logo aplikasi yang dibuat, membuat sign up dan log in aplikasi menggunakan User Interface (UI) dalam IDE.




## Langkah 3

Membuat log in aplikasi, sign up, dan home page yang mempunyai stock in, stock out, senarai produk, transaction stock in, transaction stock out serta pengimbas bar kod dengan menggunakan EDI.




## Langkah 4

Membangun API (Application Programmign Interface) untuk menyambungkan saluran ke database dengan menggunakan API dan dapat memaparkan pada mobile apps menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP.




```
loginuser_schk.php -- api
11 /*
12 $usrname = "admin";
13 $usrpass = "abc123";
14 */
15
16
17
18 $db = Database::getInstance();
19
20 if(is_object($db)){
21
22     $sqlsel = "SELECT * FROM ".TBL_USERS." WHERE uname='".$usrname.'" AND upass='".$usrpass.'"";
23
24     $row = $db->executeSingle($sqlsel);
25
26     if(is_array($row)){
27         $len = count($row);
28
29         if($len>0){
30             //echo "ada data";
31
32             $sarr['msg'] = "1";
33             $sarr['USERID'] = $row['iduser'];
34             $sarr['FNAME'] = $row['fname'];
35             $sarr['HP'] = $row['hp'];
36             $sarr['UNAME'] = $row['uname'];
37             $sarr['ULEVEL'] = $row['ulevel'];
38
39             echo json_encode($sarr);
40
41         }else{
42             $sarr['msg'] = "0";
43             echo json_encode($sarr);
44         }
45     }else if(is_bool($row)){
46         $sarr['msg'] = "0";
47         echo json_encode($sarr);
48     }
49 }
50
51
52
53
54 }
```




## Langkah 5

Seterusnya, membuat “*share hosting*”. Di mana segala “*database*” yang dibuat akan disimpan di folder dan di masukkan ke “*share hosting*”.




## Langkah 6

Kemudian, setelah segala proses pembuatan aplikasi telah siap. “*Admin*” aplikasi boleh terus mengakses *phpMyAdmin* untuk mengetahui segala data seperti tarikh dan masa mengenai siapa yang menguruskan stock yang masuk dan stok yang keluar.



## Langkah 7

Aplikasi Stock Checking telah siap sedia digunakan.



### 3.2.2 Bahan dan Peralatan

Bahan dan peralatan yang digunakan adalah telefon bimbit dan komputer riba.

### 3.2.3 Kajian Rintis

Aplikasi ini telah dibangunkan mengikut keperluan syarikat terhadap sistem pengurusan stok masuk dan keluar dalam gudang syarikat mereka berdasarkan hasil temubual dengan pengurus syarikat tersebut melalui goggle meet. Aplikasi ini kemudian diuji terlebih dahulu sebelum diberikan kepada syarikat tersebut. Seterusnya, syarikat diberi tempoh percubaan menggunakan aplikasi ini untuk melihat kebekesannya dalam seminggu.



### **3.2.4 Maklumbalas Kajian rintis.**

Berdasarkan tempoh masa yang diberikan terdapat beberapa maklumbalas mengenai kajian rintis ini. Hasil dapatan dari maklum balas menunjukkan bahawa aplikasi ini perlu ada penambahbaikan dari segi grafik dalam aplikasi yang kurang memuaskan kerana terlalu ringkas dan hanya boleh digunakan pada pengguna android dan tidak pada pengguna ios.

### **3.2.5 Penambahbaikan Produk**

Hasil dari maklumbalas yang dibuat daripada kajian rintis, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan terhadap aplikasi Stock Checking iaitu dengan meningkatkan motografik yang lebih berkualiti mengikut trend aplikasi yang terkini. Selain itu, masalah terhadap pengguna ios untuk mengakses kepada aplikasi ini telah diselesaikan dengan peningkatan terhadap kepelbagaian pengguna. Oleh itu, semua pengguna jenis peranti dapat menggunakan aplikasi ini tidak kira apa jenis rangkaian alat telekomunikasi.

## **3.3 Kaedah Analisis Data**

Kajian ini akan dijalankan untuk menilai keberkesanan produk yang dibangunkan iaitu yang pertama melalui percubaan penggunaan aplikasi terhadap syarikat Natasya Bakery untuk menilai keberkesanan aplikasi dalam masa seminggu yang melibatkan pengurus syarikat tersebut. Semasa proses dan kaji selidik ini berlangsung menunjukkan banyak kesan positif terhadap aplikasi ini semasa ujikaji terhadap aplikasi ini dibuat dalam tempoh masa seminggu. Hasil daripada kajian yang dibuat ini, akan membantu untuk membuat kesimpulan tentang keberkesanan penggunaan aplikasi ini dalam pengurusan stok masuk dan keluar terhadap syarikat Natasya Bakery.

### **3.4 Rumusan**

Kesimpulannya, bab ini lebih menfokuskan rekabentuk aplikasi, proses-proses pembangunan apliaksi, kajian rintis, penambahbaikkan aplikasi, analisis keberkesanan aplikasi. Selain itu, bab ini juga. Kami berjaya mendapatkan analisis mengenai aplikasi ini untuk memastikan aplikasi ini diterima oleh syarikat dan perniagaan kecil-kecilan. Akhir sekali kami juga mensasarkan penggunaan aplikasi stok checking kami kepada syarikat dan perniagaan kecil yang terdiri daripada perniagaan kek, peruncitan dan penghantaran barang untuk membantu mereka dalam menguruskan proses pengurusan inventori mereka.

## **BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menerangkan dengan lebih jelas tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangka tentang analisis kewangan, analisis situasi, kos penghasilan projek, kos penghasilan projek per unit, justifikasi kos perlaksanaan projek, impak produk dan pengkomersilan target pengguna. Analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan peringkat kedua. Seterusnya, ialah analisis kewangan untuk menghasilkan projek iaitu Stock Checking, produk yang dihasilkan kemudiannya akan dikaji pengguna.

### **4.2 Dapatan Kajian/Pengujian**

Produk Stock Checking yang disediakan oleh kami ini dapat memudahkan lagi pihak Natasya Bakery dalam menguruskan stok di gudang mereka. Selain itu, Bakery tersebut mampu menyenarai data stok dengan lebih cepat dan teratur tanpa kesilapan dengan meggunakan aplikasi Stock Checking ini.

#### **4.2.1 Analisis dapatan kajian peringkat inovasi**

##### **a) Fasa 1 Inovasi ditingkatkan**

Pengkaji menghasilkan Apliskasi Stock Checking dengan menggunakan bahan bahan seperti “*user requirement study*”, “*Application Programmign Interface*”, Google Flutter dan lain lain. Aplikasi stock checking di bina dan digunakan oleh Natasya Bakery. Penambahbaikan yang telah kami lakukan ke atas produk adalah kami meningkatkan mutu grafik supaya lebih menarik dan mengikut trend terkini. Hal ini akan meningkatkan kualiti aplikasi yang di cipta.

#### **4.2.2 Analisis dapatan kajian kedua**

Aplikasi stock checking berjaya disiapkan dan aplikasi tersebut akan digunakan oleh Natasya Bakery. Harap Natasya Bakery dapat menggunakan aplikasi ini dengan cara yang betul dan tepat daripada aplikasi ini kerana dengan ciri ciri yang ada pada aplikasi dapat membantu mereka menguruskan inventori dengan lebih sistematik.

##### **a) Fasa 2 Inovasi dimurnikan**

Hasil daripada maklumat Inovasi Fasa 1. Masalah kedua mengenai aplikasi ialah tentang aplikasi hanya boleh di akses melalui peranti android. Oleh itu aplikasi stock checking di baik pulih dengan pengguna iOS mampu mengakses dan memuat turun aplikasi ini. Hal ini dari segi pengaksesan dapat di selesaikan.

### 4.2.3 Kos Penghasilan Projek Per Unit

BIL	BUTIRAN	KOS (RM)	KOS (RM)
		Aplikasi Stock	Aplikasi Stock Checking
1.	Aplikasi Stock	500	500
2.	Module User <ul style="list-style-type: none"><li>- Sign Up</li><li>- Sign In</li></ul>	-	100
3.	Module Product Management <ul style="list-style-type: none"><li>- Create Product</li><li>- Create Category</li></ul>	-	100
4.	Module QRCode <ul style="list-style-type: none"><li>- Generate QRCode Upon Product creation</li><li>- Scan and Read QRCode</li></ul>	-	100
5.	Module Inventory <ul style="list-style-type: none"><li>- Stock in</li><li>- Stock out</li></ul>	-	100
	Jumlah Kos	500	900

### 4.2.4 Perletakkan Harga Projek

Setelah kos penghasilan projek per unit ini dikira, untuk meletakkan harga bagi Stock Checking ditentukan bagi kos dihasilkan. Kos pembuatan sebanyak RM 500 telah dikeluarkan pada fasa pertama dan seterusnya di fasa kedua berjumlah RM 900 bagi penambahbaikan projek. Harga bagi Stock Checking selepas meletakkan 40% adalah sebanyak RM 1,260 setelah dibincangkan dan ditentukan oleh pihak kami berdasarkan kualiti teknologi yang digunakan. Selain itu, inovasi ini menggunakan teknologi yang mudah digunakan dalam pembuatan aplikasi.

### **4.3 IMPAK PRODUK**

Aplikasi Stock Checking telah memberikan banyak dampak positif kepada syarikat Natasya Bakery yang telah diperincikan kepada empat (4) bentuk dampak dari aplikasi yang dihasilkan bagi menyelesaikan permasalahan kajian terhadap syarikat Natasya Bakery. Berikut adalah penjelasan dampak mengikut sub topik perbincangan.

#### **a) Dampak Produk Terhadap Syarikat**

Penghasilan produk ini telah membantu Syarikat Natasya Bakery dalam menguruskan proses keluar masuk stok dari inventori Natasya Bakery dengan lebih sistematik dan memudahkan proses dalam penyimpanan data bahan mentah yang masuk ataupun yang keluar dengan lebih teratur. Hal ini kerana, ia dapat membantu syarikat Natasya Bakery dalam mengenalpasti data yang telah disenaraikan dengan lebih efektif dan mudah tanpa berlaku kesilapan.

#### **b) Dampak Produk Terhadap Masa**

Penggunaan aplikasi *Stock Checking* ini telah banyak membantu pekerja Syarikat Natasya Bakery ke arah penjimatan masa dari segi menyenaraikan data stok yang masuk dan keluar dengan menggunakan kaedah sistem terkini iaitu pengimbasan bar kod untuk menyimpan data stok dapat menjimatkan masa. Selain itu, proses pengurusan inventori dalam mengenal pasti stok yang sudah lama masuk boleh terus diakses dari aplikasi ini. Dengan itu masa yang diambil untuk menyemak tentang stok yang telah lama masuk menjadi singkat dan mudah berbanding dengan keadaan sebelumnya. Sebelum ini pekerja tersebut menghasilkan lebih banyak masa untuk menyemak stok yang telah lama masuk kerana mereka tidak mempunyai sistem penyimpanan data yang sistematik.

#### **c) Dampak Produk Terhadap Tenaga**

Penggunaan aplikasi ini telah membantu ke arah penjimatan tenaga pekerja dari segi pengurusan berbanding dengan keadaan sebelum ini yang menyebabkan lebih ramai perlu diambil dalam menguruskan stok di Syarikat Natasya Bakery ini. Dengan adanya aplikasi ini,

kos terhadap pekerja dapat dikurangkan kerana aplikasi ini memudahkan dalam sistem penyimpanan melalui cloud tanpa perlu disenaraikan secara manual. Hal ini kerana, aplikasi ini jauh lebih efisien kerana mengikut teknologi terkini dalam menguruskan data inventori.

#### **4.4 Perbincangan**

Pengguna sasaran komersilan oleh penyelidik adalah Natasya Bakery. Natasya Bakery dipilih kerana dari sesi temu ramah dengan pemilik Natasya Bakery kami mendapat maklum tentang masalah pengurusan inventori. Hal ini kerana pekerja mereka sering mempunyai masalah dari segi menguruskan stok dan juga data yang di simpan kerap hilang. Disebabkan data yang disimpan kerap hilang hal ini mereka tidak dapat mengetahui stok yang masuk dan keluar. Untuk menyelesaikan masalah ini, Natasya Bakery perlu menggunakan aplikasi stock checking mampu menyimpan data keluar masuk stok dan memudahkan urusan pekerja mereka untuk mengurus pengurusan inventori dengan lebih cekap dan sistematik. Walau bagaimanapun produk kami ini juga boleh dikomersialkan kepada syarikat yang lebih besar mahupun industri kecil sederhana (IKS) dimana mempunyai masalah tentang pengurusan inventori. Aplikasi stock checking adalah aplikasi yang mesra pengguna di mana hanya menggunakan telefon bimbit untuk menguruskan aplikasi tersebut. Dalam jangka masa yang pendek kami lebih memfokuskan keberhasilan aplikasi stock checking ini mendapat pandangan positif baru kami komersialkan ke pasaran atau kepada syarikat yang ada masalah dalam menguruskan inventori.

## 4.5 Rumusan

Secara rumusannya, bab keempat membincangkan mengenai analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan tentang analisis kewangan, analisis situasi, kos penghasilan projek, kos penghasilan projek per unit, justifikasi kos pelaksanaan projek, impak produk dan pengkomersilan target pengguna. Analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian. Maka, tujuan bagi melaksanakan kajian ini adalah untuk mengenalpasti kelebihan dan kekurangan Syarikat Natasya Bakery. Oleh itu, melalui kajian ini Stock Checking dapat membantu Syarikat Natasya Bakery dalam menguruskan stok dalam gudang mereka dengan lebih sistematik dan sempurna. Dalam kajian ini penggunaan aplikasi ini telah memberi maklum balas yang positif kepada Syarikat Natasya Bakery dalam menguruskan stok mereka dengan lebih cepat dan teratur tanpa adanya kesilapan dalam menyenaraikan inventori yang masuk dan keluar.

## **BAB 5: KESIMPULAN**

### **5.1 Pendahuluan**

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian Reka Bentuk iaitu Aplikasi Stock Checking yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang) bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan produk yang dihasilkan bertujuan untuk memudahkan Natasya Bakery Untuk menguruskan inventori dengan lebih cekap dan sistematik.

### **5.2 Kesimpulan**

Penggunaan Aplikasi Stock Checking mempunyai kelemahan iaitu grafik yang kurang memuaskan kerana grafik untuk aplikasi ini tidak mengikut trend terkini dan tidak dapat diakses jika tidak mempunyai internet. Produk Aplikasi stock checking ini direka untuk membantu Natasya Bakery dalam menguruskan stok supaya mereka mengetahui tentang keluar masuk stok. Kesimpulannya, penggunaan Stock Checking ini mampu membantu syarikat kecil dan perniagaan runcit dalam meningkatkan tentang pengendalian dalam pengurusan inventori. Kesimpulan daripada penyediaan projek ini dilaksanakan melalui analisis SWOT.

#### **5.2.1 Analisis SWOT**

Keberkesanan aplikasi ini juga telah dianalisis dengan menggunakan analisis SWOT untuk mengenal pasti analisis projek ini. SWOT analisis dijalankan bagi mengenalpasti beberapa faktor dalam analisis SWOT.

Antara Beberapa faktor analisis SWOT selepas dianalisis ialah:

#### **i) Strength (kekuatan)**

- Memudahkan urusan *stock checking* menggunakan bar kod
- Jimat masa atau kos kerana data direkod dengan cepat



- Boleh terus mengimbas produk yang dikehendaki dan maklumat produk tersebut akan dipaparkan dengan cepat

#### **ii) Weakness (kelemahan)**

- Susah untuk memuat naik gambar di sesetengah peranti.
- Tidak boleh di akses di mana-mana sahaja kerana halangan data internet

#### **iii) Opportunities (peluang)**

- Pelbagai syarikat seperti syarikat peruncitan dan syarikat bakery mampu mengakseskan aplikasi tersebut untuk kegunaan mereka
- Ciri-ciri yang ada pada aplikasi ini menggunakan teknologi yang terkini.

#### **iv) Threats (ancaman)**

- Banyak saingan dari segi aplikasi yang lain

Dari hasil analisis yang dijalankan, adalah didapati bahawa aplikasi ini Stock Checking yang dibangunkan ini mempunyai kebolehgunaannya kepada syarikat dan perniagaan kecil – kecilan untuk menggunakan aplikasi ini dalam menguruskan stok mereka. Aplikasi ini dapat membantu syarikat dan perniagaan kecil – kecilan dalam menyimpan data inventori mereka dengan lebih mudah dan sistematik tanpa berlaku kehilangan data.

### **5.2.2 Analisis 4P**

#### **a) Produk**

Stock Checking merupakan produk yang disediakan terutamanya untuk Syarikat dan perniagaan yang berniaga kecil - kecilan. Ia dapat memudahkan pengurusan stok dengan lebih efisien dan teratur.

#### **b) Harga**

Stock Checking ini hanya aplikasi yang dapat membantu memudahkan dalam menguruskan inventori stok. Maka, ia adalah percuma tiada caj akan dikenakan hanya perlu muat turun melalui pautan yang diberi.

c) Tempat

Sasaran utama kami adalah di Kawasan Permatang Pauh, Penang dimana tempat itu amat sesuai meluaskan produk Stock Checking ini kerana di situ banyak mempunyai syarikat dan perniagaan kecil.

d) Promosi

Promosi akan dibuat melalui media social seperti instagrams dan juga facebook yang amat membantu untuk mempercepatkan Stock Checking ini dikenali dan digunakan oleh syarikat dan perniagaan kecil.

### **5.3 CADANGAN**

Cadangan penambahbaikan kajian ini menggunakan matriks TOWS sebagai cadangan dalam penambahbaikan kajian ini. Dengan menggunakan matriks TOWS ini dapat menambah banyak kesan positif pada produk. Produk ini mempunyai banyak kelebihan dalam menguruskan aliran stok dalam gudang kecil. Penambahbaikan grafik aplikasi untuk seiring dengan teknologi masa kini. Menambah baik sistem aplikasi supaya dapat diakses ke semua peranti. Hal ini membuatkan pihak pengkaji telah berjaya untuk menyelesaikan masalah yang di hadapi oleh Natasya Bakery.

#### **5.3.1 Matriks Tows**

##### **SO – STRENGTHS / OPPORTUNITIES**

Aplikasi Stock Checking ini dapat memudahkan urusan keluar masuk stok kerana ianya menggunakan teknologi baru iaitu pengimbas bar kod yang dapat menjimatkan masa dan kos kerana data direkod dengan cepat. Dengan adanya aplikasi ini dapat memberi peluang kepada

syarikat dan perniagaan kecil yang mampu mengakses aplikasi tersebut untuk kegunaan dalam menguruskan stok masuk dan keluar di gudang kecil mereka.

#### ST – STRENGTHS / THREATS

Walaupun aplikasi Stock Checking ini mempunyai kelebihan sistem terkini seperti Pengimbasan bar kod akan tetapi terdapat banyak lagi saingan aplikasi lain yang berkaitan inventori yang standing dengan aplikasi ini.

#### WO – WEAKNESS / OPPORTUNITIES

Ciri - ciri yang ada pada aplikasi ini menggunakan teknologi yang terkini seperti pengimbasan bar kod tetapi ia memerlukan internet untuk menggunakan aplikasi tersebut.

#### WT – WEAKNESS / THREATS

Aplikasi Stock Checking hanya boleh diakses oleh pengguna android. Jika dibanding aplikasi lain yang dapat diakses ke semua peranti.

### **5.4 Limitasi Projek**

Projek ini dijalankan hanya berfokuskan pada kawasan Permatang Pauh, Pulau Pinang. Lokasi kajian tidak boleh terlalu luas kerana mengikut skop projek ini hanya tertumpu kepada satu syarikat sahaja iaitu Natasya Bakery. Seterusnya, masa yang diperuntukkan untuk melakukan kajian ini hanyalah singkat. Kurang kerjasama dari pembuat aplikasi kerana kekangan masa yang menyebabkan proses pembuat aplikasi memakan masa berbulan. Terdapat masalah yang dikenal pasti bahawa terdapat halangan kepada penggunaan aplikasi kerana ia memerlukan tempat yang mempunyai capaian internet. Bagi kawasan yang mempunyai capaian internet yang lemah ia kemungkinan aplikasi ini tidak dapat diakses.

## 5.5 Rumusan

Setelah kajian ini dilakukan, para pengkaji mendapati bahawa Natasya Bakery mempunyai masalah dalam menguruskan stok dengan menggunakan cara lama dalam menyenaraikan inventori masuk dan keluar. Ini menyebabkan masalah dalam cacatan data dan proses memakan masa. Dengan adanya aplikasi *Stock Checking* dapat memudah pengiraan stok keluar masuk bahan mentah dan tarikh tamat tempoh sesuatu produk.

Penghasilan produk *Stock Checking* ini menggunakan pelbagai inovasi seperti API - PHP, *database – mysql*, Mobile apps – Google Flutter dan IDE dalam membangunkan aplikasi ini menjadi sempurna. Kelebihan aplikasi *Stock Checking* ini dapat menyenaraikan data dengan lebih cepat dan tepat dengan menggunakan teknologi terkini iaitu pengimbas bar kod. Dengan adanya aplikasi ini pihak Natasya Bakery dapat mempercepatkan proses menyenaraikan stok yang masuk dan keluar tanpa ada sebarang kesilapan. Selain itu, ini juga dapat membantu pihak Natasya Bakery mengenal pasti stok yang mana perlu dikeluarkan dahulu kerana adanya tarikh untuk setiap stok yang masuk. Dengan ini pihak Natasya Bakery dapat mengelakkan daripada kerugian stok rosak.